

# Pendaftaran Pelajar Baru Sesi 2008/2009

Pasangan suami isteri, Nik Noorzilawati Nik Ab. Rahman, 25 dan Shahrijan Ahmad, 25 serta dua pasangan kembar, Thum Kaiqian - Thum Kaihao dan Farah serta Fatin Aman merupakan antara 1,765 pelajar yang mendaftar di Universiti Malaysia Perlis , 2 Julai 2008 lalu. Ketiga-tiga pasangan tersebut bukan sahaja memilih untuk belajar di universiti yang sama, malah turut memilih bidang pengajian yang serupa. Nik Noorzilawati dan Shahrijan memilih kursus Kejuruteraan Pembuatan, Farah dan Fatin Aman Kejuruteraan Bio-Perubatan manakala Thum Kaiqian dan Kaihao pula masing-masing memilih Kejuruteraan Mekatronik. Nik Noorzilawati berkata, beliau dan suami menyedari kepayaan yang bakal mereka alui untuk menggenggam segulung ijazah tambahan pula puteri sulung mereka Noraini Afiqah baru berusia lapan bulan.Tetapi, kedua-dua mereka menganggap itu semua sebagai cabaran yang harus dilalui sebelum menggenggam segulung ijazah. Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof Dato' Dr. Kamarudin Hussin berkata jumlah pendaftaran pelajar baru bagi sesi 2008/2009 kali ini meningkat 15 peratus berbanding 1,530 orang pada pengambilan sesi 2007/2008. Menurut beliau lagi, peratusan pelajar lelaki dan perempuan juga dilihat agak seimbang pada pengambilan kali ini iaitu 1,011 pelajar lelaki dan 754 pelajar perempuan atau secara nisbahnya 57% pelajar lelaki dan 43% pelajar perempuan. Ia merupakan satu peningkatan berbanding pengambilan sesi 2007/2008 iaitu 63% lelaki dan 37% pelajar perempuan. Ini membuktikan, golongan wanita juga kini semakin berminat dan menyintai alam kejuruteraan yang sebelum ini didominasi oleh pelajar lelaki.

